

Pembangunan Ekonomi Seimbang

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertumbuhan ekonomi adalah penting untuk pembangunan peradaban sesuatu bangsa. Sejarah menunjukkan kewujudan tamadun yang kuat disokong oleh kuasa ekonomi. Namun, sejarah juga mengajar bahawa kuasa ekonomi belum cukup untuk pengekalannya sesuatu ketamadunan. Maka kesimpulan ringkas yang boleh diambil adalah pembangunan ekonomi, paling baik, adalah merupakan syarat wajib tetapi belum mencukupi untuk pembangunan sesuatu tamadun.

Persoalannya, apakah syarat lain untuk pembangunan? Jawapannya terdapat di dalam motif pembangunan tersebut. Suatu pembangunan yang bererti untuk pembentukan tamadun tidak dapat dinafikan adalah merupakan pembangunan yang menyeluruh. Manakala pembangunan menyeluruh pula diselimuti oleh kesejahteraan individu dan masyarakat. Sudah tentu kesejahteraan masyarakat terbina oleh koleksi individu yang sejahtera.

Jelas bahawa sejahtera adalah sesuatu yang lebih besar dari pencapaian ekonomi. Seseorang individu atau sesebuah masyarakat dianggap sejahtera sekiranya mereka berada di dalam keadaan aman dan makmur, senang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana, kesusahan, gangguan, dan seumpamanya. Sudah tentu ianya adalah lebih besar dari pencapaian ekonomi. Dengan kata lain, pembangunan ekonomi tidak memadai untuk menjamin kesejahteraan.

Namun, kesejahteraan sukar dicapai tanpa pertumbuhan ekonomi, lantas ianya merupakan syarat wajib. Oleh itu model pembangunan ekonomi menekankan pembasmian kemiskinan di peringkat awal pembangunan. Hampir separuh rakyat Malaysia berada di dalam kemiskinan di mana pendapatan mereka di bawah garis

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kemiskinan di era selepas kemerdekaan. Oleh itu, tumpuan semasa itu untuk pembasmian kemiskinan adalah bersesuaian.

Walau bagaimanapun, ini tidak pula bermakna masyarakat pra pembangunan hidup di dalam keadaan tidak sejahtera. Malah mereka boleh jadi lebih sejahtera berbanding dengan era selepas kemerdekaan. Walaupun, elemen-elemen yang mendefinisikan sejahtera sesetengahnya boleh dikuantifikasi, kebanyakannya bergantung kepada keadaan pemikiran individu yang subjektif.

Maka model pembangunan yang komprehensif perlu meliputi ukuran yang berkaitan dengan elemen-elemen yang melambangkan kesejahteraan di samping petunjuk-petunjuk ekonomi. Umpamanya, petunjuk-petunjuk seperti taraf pendidikan, kesihatan dan lain-lain petunjuk sosioekonomi ke atas individu atau masyarakat serta faktor luaran seperti keadaan alam sekitar, kemudahan awam dan seumpamanya. Kesemua petunjuk-petunjuk perlu dibaca bersama dengan petunjuk ekonomi yang lumrah seperti pendapatan.

Dua pengajaran penting perlu dihayati di dalam konteks pembangunan. Pertama, segala petunjuk-petunjuk statistik yang digunakan untuk mengukur elemen-elemen terpilih adalah bertujuan untuk menilai objektif yang ditakrifkan. Umpamanya, pencapaian akademik melambangkan pembentukan modal insan. Individu yang berpendidikan tinggi seharusnya memiliki kepakaran yang tinggi dan perlulah selari dengan kebolehnya. Ini bermakna, statistik pencapaian akademik bukan sekadar mengukur pencapaian individu, namun ukuran tersebut mesti mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Ini adalah salah satu elemen peningkatan produktiviti di dalam ekonomi.

Kedua, faktor kedinamikan juga perlu diambil kira di dalam konteks mengukur pembangunan. Yakni, keperluan sosioekonomi sering berubah mengikut tahap pembangunan. Umpamanya, cita rasa individu akan berubah mengikut tahap pendidikannya. Maka, segala penanda aras sosioekonomi perlu berubah mengikut tahap pembangunan negara.

Semenjak merdeka, Malaysia telah mengalami pembangunan sosioekonomi yang memberangsangkan. Segala petunjuk sosioekonomi telah menunjukkan pencapaian yang baik, terutama mengikut penanda aras antarabangsa. Sudah tentu pencapaian ini berkait rapat dengan perancangan dan pelaksanaan yang sama baik. Namun, hakikat yang perlu difahami adalah segala kejayaan ini datang dengan cabaran. Untuk mencapai status sebuah negara maju, sudah tentu cabarannya semakin mencabar.

Di dalam perjalanan menuju ke arah negara maju, pencapaian objektif lebih dititikberatkan. Matlamat umum adalah untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Justeru segala petunjuk mestilah diterjemahkan kepada pencapaian objektif umum tersebut. Umpamanya, pencapaian akademik yang tinggi di kalangan masyarakat tidak memberi makna sekiranya prestasi mereka tidak selari. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan bergantung kepada pembentukan modal insan yang relevan.

Pembangunan ekonomi tidak kurang juga memberi tekanan kepada masyarakat di dalam konteks kehidupan seharian. Maka pembangunan yang seimbang adalah amat penting. Jika tumpuan berlebihan kepada petunjuk ekonomi seperti pendapatan tanpa melihat lain-lain aspek, masyarakat akan menghadapi tahap tekanan yang tinggi dan ini akan melunturkan manfaat pembangunan ekonomi. Berkemungkinan masyarakat hidup di dalam situasi tidak gembira walaupun mempunyai pendapatan yang tinggi. Bak kata pepatah ayam di kepok mati kelaparan, itik di air mati kehausan.

Pembangunan ekonomi yang seimbang di dalam konteks Malaysia kini, juga perlu menumpukan kepada pencapaian matlamat petunjuk sosioekonomi secara keseluruhan. Masyarakat perlu berada di dalam keadaan aman dan makmur, senang dan tenteram serta terpelihara daripada bencana, kesusahan, gangguan, dan seumpamanya. Segenap lapisan masyarakat, pengguna, pengeluar dan sebagainya berada di dalam keadaan yang optimum dari segi pencapaian objektif mereka. Sistem ekonomi keseluruhan perlu berada di dalam keadaan yang efisien. Justeru, pembangunan institusi mesti berbentuk responsif untuk menangani isu serta segala permasalahan kontemporari.